

PEMBUKAAN KAUNTER BANTUAN KELUARGA MALAYSIA (BKM)

Bagi memudahkan urusan rakyat untuk mendaftar Bantuan Keluarga Malaysia (BKM), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa kaunter perkhidmatan BKM akan dibuka di Pejabat Cawangan HASiL, Pejabat Satelit, Pusat Khidmat HASiL dan Pusat Transformasi Bandar di seluruh negara pada hujung minggu iaitu pada 7, 8, 28 dan 29 Januari 2022 bagi Negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor, manakala pada 8, 9, 29 dan 30 Januari 2022 bagi negeri-negeri yang lain.

Maklumat lanjut tarikh pembukaan dan waktu operasi kaunter BKM adalah seperti yang berikut:

Lokasi Premis LHDNM	Tarikh	Waktu Operasi
Negeri Kedah, Kelantan, Terengganu & Johor	7 - 8 Januari 2022 28 - 29 Januari 2022	8.00 pagi – 4.30 petang (Semenanjung)
Negeri-Negeri yang lain	8 - 9 Januari 2022 29 - 30 Januari 2022	8.00 pagi – 3.30 petang (Sabah / Sarawak)

Walaupun kaunter pendaftaran BKM secara manual dibuka, suka untuk HASiL memberikan saranan agar pemohon membuat pendaftaran secara dalam talian melalui portal rasmi BKM di <https://bkm.hasil.gov.my/> . Hal ini bagi memastikan risiko penularan wabak COVID-19 dapat dikurangkan.

Bagi pemohon yang ingin hadir ke premis HASiL adalah dinasihatkan agar sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard (S.O.P) pencegahan COVID-19 yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Sebagai panduan mengenai pendaftaran, permohonan baharu dan kemas kini maklumat BKM, pemohon boleh membuat rujukan kepada set Soalan Lazim (FAQ) BKM dan jadual pembukaan kaunter BKM yang telah dimuat naik pada portal rasmi BKM. Capaian pantas kepada dokumen berkenaan adalah seperti yang berikut:

- i. Pendaftaran MyBKM

<https://bkm.hasil.gov.my/Download/Faq/BKM%202022%20-%20FAQ%20MyBKM.pdf>

- ii. Permohonan Baharu dan Kemaskini

<https://bkm.hasil.gov.my/Download/Faq/BKM%202022%20-%20FAQ%20Permohonan%20Baharu%20dan%20Kemaskini%20BKM.pdf>

- iii. Jadual Pembukaan kaunter BKM

https://bkm.hasil.gov.my/Download/JADUAL_PEMBUKAAN_KAUNTER_BKM_2022.pdf

Para pemohon juga disyorkan untuk membuat semakan senarai pejabat dan cawangan HASiL yang ditutup sementara terlebih dahulu sebelum hadir ke mana-mana premis bagi mengelakkan sebarang kesulitan. Senarai tersebut boleh dicapai melalui pautan berikut:-

http://phl.hasil.gov.my/pdf/pdfam/Notis_Penutupan_Cawangan_LHDNM_1.pdf

Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada HASiL melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH

Building Sustainable Future
TOGETHER

M A L A Y S I A

Dikeluarkan Oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 06 Januari 2022